

MFM mahu kekal relevan

Tawar kelainan menu dan pengubahsuaian di 27 cawangan korporatnya

NORSHAHZURA MAT ZUKI

PENGENDALI restoran makanan, laut, The Manhattan Fish Market (MFM) memperkenalkan kelainan, pengubahsuaian dan berkonsep baharu melibatkan 27 cawangan korporatnya di seluruh Malaysia bermula di cawangan Wangsa Walk, Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif Revenue Valley Sdn Bhd, Dickson Low berkata, pengubahsuaian penuh cawangan keempat itu merupakan sebahagian dari-



Dari kiri: Zahriah, Dickson, Chheng Jen, Deric, Shamshuzaman dan Radzali merasmikan pelancaran konsep baharu MFM cawangan Wangsa Walk Mall di Kuala Lumpur baru-baru ini.

tuhan Francois Malaysia (MFA), Datuk Zahriah Abd Kadir, Dickson Low, Pengarah MFM, Deric Yeo, Pengarah Pembangunan Francois, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Shamshuzaman Sulaiman dan Pengerusi Persatuan Francois Malaysia, Datuk Radzali Hassan.

Dickson berkata, selain Wangsa Walk Mall cawangan yang telah diubah suai sepenuhnya terletak di Mid Valley, Sunway Pyramid dan Setia City Mall manakala cawangan korporat lain telah menjalani pengubahsuaian kecil.

Mengulas mengenai menu MFM, Dickson berkata, MFM juga menghasilkan menu inovatif baharu kepada pelanggan yang inginkan pilihan makan sihat, sajian ringan dan menu kanak-kanak.

"Pengalaman menjamu selera di MFM ditumpukan kepada pelanggan muda, yang suka mengembara dan celik digital.

"Meraka berani dan bersedia untuk menikmati sesuatu yang baharu dan kami berusaha mewujudkan pengalaman menjamu selera meraka kerana ingin membawakan sajian yang menyeronokkan dan unik kepada pengunjung restoran kami.

"Pengunjung juga boleh menentukan makanan laut mereka dimasak dengan lima kaedah memasak berbeza iaitu digoreng, direneh, digiri, dibakar atau dipanggang api," katanya.

Tambahnya, MFM juga akan melancarkan *Syoking Seafood Deal* dari 19 hingga 23 Ogos 2019, yang akan menawarkan nilai hebat kepada pelanggan bermula pada harga di bawah RM10.

dengan menu baharu yang menawarkan pelbagai cita rasa menarik.

"Kami berkeyakinan usaha kami untuk menambah baik MFM akan memastikan jenama kami kekal relevan dalam tempoh akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian

pada majlis pelancaran konsep baharu di Wangsa Walk Mall di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Hadir dan merasmikan program itu ialah Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chheng Chheng Jen, Naib Presiden Persa-

nya

nya

nya